

<b>Headline</b>	<b>FRIM tersenarai institusi penyelidikan hutan tropika terbaik dunia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>New Sabah Times Bahasa (KK)</b>		
<b>Date</b>	<b>25 Mar 2012</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Semasa</b>	<b>Circulation</b>	<b>23,655</b>
<b>Page No</b>	<b>11</b>	<b>Readership</b>	
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>75 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 145</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 436</b>



## FRIM tersenarai institusi penyelidikan hutan tropika terbaik dunia

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) muncul sebagai institusi penyelidikan hutan tropika terbaik dunia, menurut kajian Majlis Penyelidikan Kebangsaan Sepanyol,(Consejo Superior de Investigaciones Cientificas)(CSIC).

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, FRIM disenaraikan pada ranking 546 daripada 4,000 institut penyelidikan dunia, sekaligus menjadi institusi penyelidikan terbaik dalam bidang perhutanan.

"Menurut kajian CSIC itu, melalui laporan terkini yang dikeluarkan pada Januari tahun ini, kedudukan FRIM bertambah baik dari kedudukan 813 pada tahun lepas.

"Kajian CSIC itu dibuat daripada beberapa aspek seperti penyelidikan oleh FRIM, serta artikel-artikel yang keluarkan FRIM.

"Ini satu penghargaan kepada Malaysia. Dari segi penyelidikan hutan

tidak banyak negara luar yang melakukannya selain daripada Malaysia," katanya.

Menurutnya, Malaysia mengamalkan pemeliharaan hutan, dalam masa yang sama mengimbangi pemeliharaan tersebut melalui penyelidikan untuk memastikan keseimbangan alam sekitar.

Abd Latif menyatakan demikian pada sambutan Hari Perhutanan Sedunia peringkat FRIM dan majlis penyampaian Sijil Malaysia Book Of Records kepada FRIM, di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengasas dan Pengarah Urusan, The Malaysia Book of Records, Datuk Danny Ooi.

Enam pencapaian oleh FRIM yang berjaya mendapat tempat dalam 'The Malaysian Book of Records' ialah koleksi sampel kayu tertua; koleksi sampel kayu terbesar di Malaysia; serta penanaman pokok-pokok bakau sebagai penampang menggunakan teknik comp-mat dan comp-pillow.-BERNAMA